



**PUSAT DARAH NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi menyertai sebut harga berikut:-

No Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran
PDN(S)25/2017	MEMBEKAL DAN MEMASANG 100 KOMPUTER PERIBADI (PC) SECARA SEWAAN KE PUSAT DARAH NEGARA	221502

1. Syarat-syarat Tawaran adalah seperti di dalam Dokumen Sebutharga. Penyebut harga adalah diminta untuk menyemak dan meneliti spesifikasi serta syarat-syarat lain yang dinyatakan sebelum menawarkan harga.
2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **11.10.2017 hingga 19.10.2017** di Unit Perolehan, Tingkat Satu, Bahagian Pengurusan, Pusat Darah Negara, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
3. Borang sebutharga perlulah diambil oleh **pemilik / pengarah / shareholder syarikat** dengan membawa **Sijil Asal** bagi **Pendaftaran Syarikat, Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang** seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan **sesalinan sijil** berkenaan. Sekiranya syarikat mewakilkan pekerja, wakil tersebut perlulah membawa **Surat Perwakilan Kuasa** daripada pihak majikan.
4. Dokumen tawaran yang perlu dihantar hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **bermetri** serta dicatatkan nombor pendaftaran Kementerian Kewangan di sudut **kiri sampul surat** dan nombor Sebutharga di **sudut kanan sampul surat** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga **tidak lewat daripada 19 OKTOBER 2017 jam 12.00 tengahari** di:-

Peti Sebutharga
Unit Pentadbiran
Tingkat 1, Bahagian Pengurusan
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.

5. Sebutharga yang **lewat** dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Pusat Darah Negara tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga Syarikat/Firma/Pemilikan Tunggal. Kadar fi perkhidmatan sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one time payment); atau kadar fi perkhidmatan sebanyak **0.4%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) sama ada melalui Jadual Penghantaran (Delivery Schedule), Pencapaian Perkhidmatan (Milestone), Bayaran Kemajuan (Progressive Payment) atau mengikut permintaan (as-and-when-required) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.
7. Sila bawa bersama **Cop Syarikat** semasa mengambil dokumen sebutharga..